

Akhlak Pemimpin dan Masyarakat Melayu Muslim dalam Filem Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan (2022)

Akhlak of Leaders and The Malay Muslim Community in Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan (2022)

Nor Mahirah Zabidi
¹Nur Afifah Vanitha Abdullah

Program Persuratan Melayu
Pusat Penyelidikan Bitara Melayu
Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
Bangi, Selangor, Malaysia

Correspondence email: ¹nurafifah@ukm.edu.my

ABSTRAK

Filem Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan (2022) (FMKKP) arahan Syamsul Yusof telah di tayangkan pada 23 Jun 2022 dengan kutipan sebanyak RM 90 juta. Filem ini dihasilkan untuk memaparkan tentang perebutan kuasa dalam kalangan pemimpin yang sering berlaku di sekeliling masyarakat Melayu di Malaysia. Filem MKKP ini juga lahir pada ketika ketidakstabilan politik Melayu di Malaysia selepas pilihan raya umum pada tahun 2018. Walaupun latar masa FMKKP adalah pada pertengahan kedua abad ke-19 dan mengisahkan tentang sejarah perjuangan Mat Kilau menentang penjajah British, namun filem ini memaparkan persamaan dari segi kepimpinan serta masyarakat Melayu yang tidak bersatu padu dalam mempertahankan bangsa dan negara di Malaysia pada masa kini. Sehubungan itu, objektif makalah ini bertujuan untuk meneliti aspek akhlak dalam FMKKP melalui kerangka analisis Pendekatan Dakwah. Penyelidikan fundamental dirangka dengan kaedah kualitatif sebagai reka bentuk kajian ini. Justeru itu, makalah ini juga menggunakan kerangka analisis Pendekatan Dakwah melalui Teori Pengkaedahan Melayu yang dipelopori oleh Hashim Awang. Hasil perbincangan mendapati bahawa terdapat empat adab dalam aspek akhlak iaitu adab dengan pemimpin, adab dengan kawan, adab dengan keluarga serta adab dengan diri sendiri. Penelitian terhadap aspek tersebut menunjukkan bahawa masyarakat dalam FMKKP mempunyai akhlak yang baik dan buruk iaitu bersangka baik, setia kawan, berbakti pada ibu bapa, menjaga maruah diri, menuntut ilmu dan mengamalkannya, patuh pada suami, memberikan pendidikan kepada anak-anak dan bijak merancang strategi, ingkar arahan ketua dan isteri yang nusyuz.

Kata kunci: Filem Melayu, Mat Kilau, Syamsul Yusof, Pendekatan Dakwah, aspek akhlak.

ABSTRACT

The movie Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan (2020) (FMKKP), directed by Syamsul Yusof, was released on June 23, 2022, with a collection of RM 90 million. This film was produced to display the power struggle among leaders that often occurs around the Malay community in Malaysia. This MKKP film was born at a time of Malay political instability in Malaysia after the general election in 2018. Although the setting of FMKKP is the second half of the 19th century and tells the history of Mat Kilau struggle against

the British colonialists, this film shows similarities in terms of leadership and the Malay community, which are not united in defending the nation and the country from the British colonialists in Pahang. Accordingly, the objective of this paper is to examine the moral aspects of FMKKP through the analytical framework of the Da'wah Approach. Fundamental research is designed with qualitative methods as the design of this study. Therefore, this study also uses the analytical framework of the Dakwah Approach through the Malay Methodology Theory pioneered by Hashim Awang. The results of the discussion found that there are four manners in the aspect of morals, namely manners with leaders, manners with friends, manners with family, and manners with oneself. Research on these aspects shows that the society in FMKKP has good and bad morals, which are good thinking, loyalty to friends, devotedness to parents, guarding self-respect, seeking knowledge and practicing it, obeying husbands, providing education to children, planning smart strategies, and disobeying the instructions of the leader and his nusyuz wife.

Keywords: Malay movie, Mat Kilau, Syamsul Yusof, dakwah approach, the moral aspects.

1. Pengenalan

Filem adalah salah satu bentuk ekspresi seni bagi suatu masyarakat. Pembikinan filem adalah hasil garapan pelbagai seni yang memaparkan jalan cerita dan cerminan kepada budaya dan masyarakat (Naim Haji Ahmad, 2010). Selain itu, filem juga merupakan medium pengucapan pada masa kini, yang mewakili pemikiran, ekspresi dan cita-cita masyarakat (Asiah Sarji, 1996). Sehubungan itu, filem juga adalah bentuk seni dalam menyampaikan naratif yang mempunyai prinsip dan gaya yang tersendiri (Nasha Azreena et al, 2022). Filem yang mengangkat aspek agama Islam berupaya memberi sumbangan ke arah tindakan yang positif. Bukan itu sahaja, penceritaan patuh syariah adalah munasabah dan menarik untuk dijadikan ‘*niche*’ kepada penceritaan (Syed Zulkifli, 2010). Oleh itu, penghasilan filem yang bercirikan patuh syariah mampu menjadi mekanisme penting ke arah melahirkan filem dakwah yang memberikan banyak manfaat kepada khalayaknya.

Filem Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan (2022) (FMKKP) arahan Syamsul Yusof telah di tayangkan pada 23 Jun 2022 dengan kutipan sebanyak RM 90 juta. Filem ini merupakan antara filem yang sarat dengan nilai keagamaan dan nasionalisme. Filem ini diarah oleh Mohd Syamsul bin Mohd Yusof. Filem Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan (2022) (selepas ini akan dirujuk sebagai FMKKP), berjaya meraih kutipan keseluruhan sebanyak RM 97 juta (Fareez Azman, 2022). Bukan itu sahaja, FMKKP juga telah berjaya meraih empat anugerah di Festival Filem Malaysia ke-32 pada tahun 2022. Menurut sumber Berita Harian (Fatin Farhana Ariffin, 2022) antara anugerah yang dimenangi ialah Anugerah Khas Filem Box Office, Anugerah Khas Juri 2-Mat Kilau, Pelakon Lelaki Terbaik yang dimenangi oleh Adi Putra dan Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik dimenangi oleh Beto Kusyairy.

Filem ini memaparkan peribadi segelintir pembesar Melayu yang tidak memiliki keperibadian sebagai seorang pemimpin Muslim. Islam sentiasa menyeru kepada umatnya agar memiliki akhlak yang baik dan menjauhi akhlak yang buruk (mahmudah dan mazmumah). Kejatuhan masyarakat Melayu dalam FMKKP ini, berpuncakan sikap pembesarnya yang pentingkan diri sendiri sehingga sanggup menggadaikan maruah bangsa dan tanah air. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa sikap pembesar dalam filem ini tidak mempunyai keperibadian yang mulia sebagai

seorang Muslim. Melalui filem Mat Kilau, disebabkan isu kepimpinan, institusi masyarakat turut terkesan. Sedikit sahaja watak yang memaparkan akhlak menurut ajaran Islam. Sehubungan itu, makalah ini menjelaskan tentang isu akhlak di pelbagai stratifikasi sosial masyarakat Melayu dalam filem Mat Kilau. Oleh itu, makalah ini telah menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu bagi meneliti aspek akhlak dalam FMKKP melalui kerangka analisis Pendekatan Dakwah.

2. Tinjauan Literatur

Penelitian lepas tentang filem Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan (2022) agak terhad. Setakat ini hanya terdapat dua kajian lepas yang mengangkat filem Mat Kilau sebagai subjek kajian. Penulisan yang bertajuk "*Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan (2022) Sebuah Filem Cerminan Ummah*" oleh Fatimah Muhd Shukri et al. (2022). Kajian ini lebih tertumpu kepada proses produksi atau penggambaran mahupun kandungan dalam filem tersebut. Kajian ini menggunakan teori Kepuasan dan Kegunaan yang dapat memberi impak kepada penonton. Persoalan yang ingin dijawab dalam makalah ini, ialah adakah filem Mat Kilau memaparkan aspek perpaduan ummah. Selain itu, makalah ini bersandarkan kepada kaedah penyelidikan dengan reka bentuk kajian kualitatif. Makalah ini telah menerapkan lima panduan keperluan sosial dan psikologi yang perlu dipenuhi oleh pengguna media telah disajikan kepada penonton dan krew produksi. Kesemua lima panduan keperluan ini ialah keperluan kognitif, afektif, integratif, integratif sosial, dan keperluan mengurangkan tekanan. Oleh itu, persamaan antara kajian Fatimah Muhd Shukri et al, (2022) ini secara dasarnya adalah dari segi bersumberkan bahan kajian yang sama iaitu FMKKP karya Syamsul Yusof. Perbezaan antara kedua-duanya pula adalah subjek kajian. Makalah Fatimah Muhd Shukri et al, (2022) menerangkan mengenai teori Kepuasan dan Kegunaan, manakala kajian ini pula lebih berfokuskan kepada aspek dakwah yang terdapat dalam bahan kajian yang dikaji iaitu merangkumi aspek akidah, syariah, dan akhlak.

Siti Nur Izra Safra' Binti Abdul Halim. 2023. "*Fakta Sejarah dan Proses Kreatif Dalam Filem Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan (2022)*". Kajian ini menggunakan teori Intertekstualiti. Kajian ini bertujuan menjawab persoalan apakah proses kreatif yang telah dilalui oleh FMKKP bersandarkan kepada sejarah tokoh Mat Kilau. Kajian ini telah mengariskan tiga objektif iaitu untuk meneliti latar belakang tokoh sejarah Mat Kilau dan latar belakang filem Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan (2022). Kedua, menganalisis proses kreatif watak dan perwatakan serta peristiwa dalam FMKKP menerusi teori intertekstualiti. Ketiga, menganalisis proses kreatif unsur budaya yang dipaparkan dalam FMKKP. Bagi menjawab persoalan dan merealisasikan ketiga-kita objektif kajian, penyelidikan fundamental dengan kaedah kualitatif telah dijalankan. Oleh itu, persamaan antara kajian Siti Nur Izra Safra' ini secara dasarnya adalah dari segi bersumberkan bahan kajian yang sama iaitu FMKKP karya Syamsul Yusof. Perbezaan antara kedua-duanya pula adalah subjek kajian. Makalah Siti Nur Izra Safra' menerangkan mengenai teori Intertekstualiti manakala kajian ini pula lebih berfokuskan kepada Teori Pengkaedahan Melayu melalui Pendekatan Dakwah yang merangkumi aspek akidah, syariah, dan akhlak.

3. Metodologi

Makalah ini adalah berbentuk kajian fundamental yang menggunakan kaedah kualitatif sepenuhnya. Sehingga kini, penulisan-penulisan mengenai FMKKP masih terhad. Kekurangan bahan untuk dijadikan rujukan dalam kajian ini menyebabkan kaedah utama berbentuk *primer research*. Bagi menganalisis data, analisis kandungan akan diaplikasikan sebagai alat kajian utama (Fatimah Muhd Shukri dan Nur Afifah Binti Vanitha, 2018). Analisis kandungan diaplikasikan bagi menganalisis data dari dua kaedah iaitu kaedah perpustakaan dan bahan digital.

Kaedah pertama kajian ini ialah kaedah perpustakaan. Kaedah perpustakaan adalah mekanisme kajian utama dalam meneliti buku-buku, tesis, akhbar, majalah dan artikel jurnal. Dalam konteks ini, kajian yang dilaksanakan memerlukan pemahaman serta info atau maklumat yang meluas berkaitan dengan teori dan tajuk kajian yang dilakukan. Beberapa sumber kajian dan bahan rujukan diperoleh melalui Perpustakaan Tun Sri Lanang (PTSL) dan Perpustakaan Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) yang terdapat di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Proses ini dilakukan adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat dan data-data seperti latar belakang pengarah filem iaitu Syamsul Yusof serta anugerah yang diperolehi filem Mat Kilau. Selain itu, kaedah ini digunakan untuk memperolehi maklumat dengan lebih lanjut dan mendalam mengenai Teori Pengkaedahan Melayu.

Selain itu, kaedah kedua ialah menggunakan bahan digital untuk menganalisis bahan makalah. Kaedah digital merupakan antara cara untuk mengumpulkan data iaitu dengan membuat pemerhatian melalui tontonan Filem Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan di aplikasi seperti *Netflix*, *Youtube* dan Internet. Hal ini dapat menjadi sumber rujukan bagi menyokong hujah dengan lebih tepat dan sahih. Secara keseluruhan, kajian ini hanya berfokuskan kepada kaedah kualitatif. Hal ini kerana, kajian yang dilaksanakan ini memerlukan maklumat dan rujukan yang tepat melalui bahan yang berilmiah. Oleh itu, hasil makalah yang dilakukan ini, lebih dipercayai kerana menggunakan maklumat yang sahih dan boleh dipercayai.

Kerangka analisis bagi makalah ini adalah Teori Pengkaedahan Melayu. Terdapat dua bahagian dalam teori ini iaitu Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan. Pengkaedahan Alamiah terbahagi kepada tiga iaitu Pendekatan Gunaan, Moral dan Firasat. Manakala, Pengkaedahan Keagamaan terdiri daripada Pendekatan Dakwah, Kemasyarakatan dan Seni yang dilihat mempunyai kaedah dan tatacara tersendiri berdasarkan keilmuan Islam dan ketamadunan Melayu yang kuat. Secara tuntasnya, melalui Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan yang berpandukan kepada kehidupan, kepercayaan dan keagamaan, kritikan yang dihasilkan terhadap sastera Melayu akan lebih bermakna dan berkesan. Subjek ini dipilih kerana ianya mempunyai tema keagamaan yang tinggi sehingga mampu memberikan kesan yang baik kepada para penonton. Oleh itu, batasan makalah ini hanya memfokuskan kepada aspek Pendekatan Dakwah dalam Teori Pengkaedahan Melayu sahaja. Di bawah Pendekatan Dakwah pula, makalah ini diterhadkan kepada aspek akidah.

4. Dapatan dan Perbincangan

Makalah ini membincangkan akhlak yang menunjukkan adab yang baik dan buruk. Empat perkara yang dianalisis dalam makalah ini adalah mengenai adab dengan pemimpin, adab dengan kawan, adab dengan keluarga serta adab dengan

diri sendiri. Adab dengan pemimpin terdiri daripada aspek ingkar pada arahan ketua. Seterusnya, adab dengan kawan merangkumi aspek bersangka baik, setia kawan dan bijaksana dalam menyelesaikan masalah. Disamping itu, adab dengan keluarga pula, dipecahkan kepada beberapa bahagian penting iaitu ibu bapa, isteri dan anak. Akhir sekali, adab dengan diri sendiri terbahagi kepada menuntut ilmu dan menjaga maruah diri. Kesemua aspek ini dapat dilihat melalui watak protagonis dan watak sampingan yang terdapat dalam FMKKP.

Islam merupakan agama yang syumul dan meliputi segala aspek kehidupan manusia. Setiap perbuatan yang dilakukan sama ada berupa kebaikan atau kejahatan dapat membentuk akhlak seseorang umat Islam. Akhlak yang baik dan terpuji amat ditekankan dalam Islam. Hal ini kerana, keperibadian yang baik mencerminkan Islam sebagai agama yang mulia. Malahan akhlak yang baik juga, dapat menjadi sumber teladan kepada semua lapisan masyarakat. Segala perbuatan dan tindakan yang dilakukan merangkumi hubungan dengan Allah, diri sendiri, dan manusia lain mengandungi nilai akhlak yang tersendiri. Akhlak yang terpuji ini mampu mendidik masyarakat untuk menyemai nilai-nilai positif dalam kehidupan seharian. Aspek inilah yang ditekankan berdasarkan Pendekatan Dakwah melalui Teori Pengkaedahan Melayu. Oleh itu, terdapat empat aspek yang difokuskan dan dibincangkan bagi dalam filem ini tentang aspek akhlak iaitu adab dengan diri sendiri, adab keluarga, adab dengan kawan dan adab terhadap ketua pemimpin.

4.1 Adab dengan Pemimpin

Islam mendidik manusia agar sentiasa beradab dengan ketua pemimpin. Hal ini kerana kedudukan seorang pemimpin itu mempunyai keistimewaan yang tersendiri. Bukan itu sahaja, Islam juga telah mengajar semua umatnya agar sentiasa mentaati ketua pemimpin pada setiap perkara makruf. Hal ini kerana selagi mana arahan tersebut menyeru kepada kebaikan, maka ianya hendaklah didengari dan di taati (Aisyah Harun, 2021). Setiap pemimpin yang dilantik itu, akan mengetuai sesuatu perkara dalam menyelesaikan masalah yang sedang di hadapi. Jika seseorang individu tersebut di lantik menjadi ketua, maka individu tersebut dipercayai mempunyai kebolehan dalam bidang tersebut. Bahagian ini membincangkan tentang akhlak yang menunjukkan adab yang buruk terhadap pemimpin. Adab tersebut ialah ingkar arahan ketua.

4.1.1 Ingkar arahan ketua

Dalam kehidupan bermasyarakat, semua manusia perlulah sentiasa menghormati keputusan yang telah dibuat oleh ketua. Selagi mana keputusan tersebut tidak bercanggah dengan hukum syarak, maka seharusnya dipatuhi dengan baik. Melalui FMKKP, terdapat watak yang tidak dapat menerima dan ingkar terhadap keputusan ketua. Watak tersebut ialah watak Awang. Awang dilihat tidak dapat menerima keputusan apabila Mat Kilau telah dilantik menjadi ketua dalam menentang penjajah British. Awang merasakan bahawa dirinya tidak mempunyai banyak kekurangan jika dibandingkan dengan Mat Kilau. Watak tersebut juga, merasakan bahawa dirinya lebih layak untuk menjadi ketua dalam menentang British. Situasi ini dapat dilihat ketika raja dan para pembesar Pahang sedang berbincang untuk memilih ketua bagi menentang pihak musuh. Apabila Mufti

Botok memilih Mat Kilau, watak Awang dilihat tidak dapat menerima kenyataan. Keadaan ini menunjukkan bahawa Awang telah ingkar dengan keputusan yang telah dibuat oleh raja dan para pembesar. Hal ini dapat dibuktikan melalui (minit ke 26:46) yang menunjukkan bahawa Awang telah ingkar dan tidak dapat menghormati keputusan ketuanya. Ini kerana watak tersebut menganggap bahawa dirinya lebih hebat jika di banding dengan Mat Kilau yang tidak tegas dalam membuat keputusan. Setiap keputusan yang telah diambil oleh para pembesar menunjukkan bahawa seseorang itu memiliki kekuatan dan kehebatan yang baik. Namun keputusan tersebut telah diingkari oleh Awang kerana menganggap bahawa dirinya lebih baik. Watak Awang dilihat sangat sombong dan bongkak kerana tidak boleh menerima kelemahan diri sendiri. Malahan kelebihan yang dimiliki oleh orang lain juga tidak dapat diterima olehnya. Watak sampingan ini, menjadi marah apabila para pembesar bersepakat melantik Mat Kilau mengetuai perjuangan menentang British. Jika dilihat dalam filem ini, watak Awang ingin menjadi ketua hanya semata-mata untuk menunjukkan kehebatan yang dimiliki olehnya. Namun, hasrat tersebut tidak dapat dicapai, kerana Mat Kilau lebih layak memegang tempat tersebut. Hasad dengki yang ada dalam diri Awang ini, menyebabkan watak ini telah ingkar pada arahan ketuanya supaya menerima bahawa Mat Kilau lebih layak jika dibandingkan dengan dirinya. Keadaan ini menunjukkan bahawa watak tersebut tidak berakhlak kepada pemimpinnya kerana tidak dapat patuh pada keputusan ketua. Oleh itu jelaslah bahawa, watak Awang telah ingkar pada arahan atau keputusan ketuanya.

4.2 *Adab Dengan Kawan*

Tujuan persahabatan yang sebenarnya dalam Islam adalah untuk mengeratkan silaturahim sesama Muslim. Sahabat atau kawan merupakan orang yang sangat rapat dengan diri sendiri, walaupun tidak mempunyai pertalian darah atau keluarga. Dalam Islam sahabat yang baik adalah saling mengingatkan tentang Allah, menegur jika membuat kesalahan dan sahabat juga sentiasa akan ada bersama saat suka dan duka (Faridah Kamaruddin, 2021). Islam juga telah mengariskan beberapa ciri-ciri sahabat yang harus di dampingi untuk menuju kepada Allah. Antaranya bersahabat dengan orang-orang yang soleh. Hal ini dapat dibuktikan melalui hadis Nabi saw “Janganlah bersahabat kecuali dengan orang yang beriman dan janganlah makan makananmu kecuali orang yang bertaqwa” (Faridah Kamaruddin, 2021). Situasi ini menjelaskan bahawa, memilih sahabat yang baik itu, sangat penting. Hal ini kerana sahabat atau kawan lah yang akan membimbing diri seseorang itu ke arah yang lebih baik. Jika mempunyai kawan yang tidak berakhlak mulia maka lama kelamaan seseorang individu itu akan mudah terpengaruh dengan akhlak yang buruk kawan tersebut.

4.2.1 *Bersangka baik*

Salah satu cara untuk beradab dengan kawan adalah dengan sentiasa bersangka baik. Bersangka baik dengan kawan bertujuan untuk menjaga hubungan talu persahabatan tersebut supaya di jauhkan daripada segala fitnah dan prasangka buruk. Dalam FMKKP menunjukkan hubungan persahabatan yang terjalin sesama pemuda yang belajar silat untuk menentang pihak British. Watak tersebut ialah Mat Kilau. Situasi ini berlaku apabila, Mat Kilau cuba membantu orang kampung yang diserang oleh British. Ketika sedang berlawan dengan askar British,

sahabatnya iaitu Awang telah berlawan dengan Mat Kilau. Kejadian tersebut, sangat mengejutkan orang ramai terutamanya dalam kalangan sahabat yang lain. Pada awalnya Mat Kilau sangat marah dengan tindakan Awang tersebut. Namun Mat Kilau yakin bahawa tindakan yang dilakukan oleh Awang mempunyai maksud yang tersendiri. Walaupun semua sahabat Mat Kilau menanggapi bahawa Awang telah bersekutu dengan British, namun watak utama tersebut sama sekali tidak mahu menuduh tanpa usul periksa. Hal ini dibuktikan melalui (minit ke 52:28) yang memaparkan watak Mat Kilau yang sentiasa bersangka baik terhadap kawannya. Hal ini dapat dilihat melalui situasi Wahid yang sangat marah terhadap tindakan Awang yang menentang Kilau untuk menyelamatkan askar British. Namun situasi tersebut, tidak menjejaskan pendirian Mat Kilau yang sentiasa bersangka baik terhadap kawan, sebelum mengetahui perkara yang sebenar. Hal ini kerana watak tersebut percaya bahawa, tindakan yang menuduh secara melulu akan menyebabkan berlakunya fitnah. Perbuatan memfitnah itu sangat dibenci dan dilarang oleh Allah. Hal ini kerana memfitnah itu lebih kejam daripada membunuh. Rentetan daripada itulah, Mat Kilau sentiasa bersangka baik terhadap tindakan yang telah dilakukan oleh Awang. Ini kerana bagi mengelakkan sebarang kemungkinan yang akan berlaku dengan lebih teruk. Justeru itu, Mat Kilau juga percaya bahawa, segala yang dilihat secara terus terang itu, belum tentu sama dengan hakikat yang sebenar. Mungkin tindakan Awang adalah untuk menyelamatkan Mat Kilau daripada dibunuh askar British atau sebaliknya. Oleh itu, jelaslah bahawa watak Mat Kilau menunjukkan sikap beradab dengan sentiasa bersangka baik terhadap kawan.

4.2.2 Setia kawan

Semangat setia kawan seharusnya dipupuk dalam diri seluruh umat Islam. Hal ini kerana tali persahabatan yang telah terjalin menjadikan seseorang itu sanggup berkorban demi menyelamatkan sahabatnya yang berada dalam kesusahan. Sahabat yang baik, sanggup melakukan apa sahaja demi membantu rakannya yang sedang dalam kesulitan. Hal ini menunjukkan pentingnya memilih kawan yang baik agar dapat membantu seseorang itu ketika berada dalam kesusahan. Dalam FMKKP terdapat tiga watak yang secara jelas melalui lisan, memaparkan semangat setia kawan. Watak-watak tersebut ialah watak Mat Kilau dan Awang. Hal ini dibuktikan melalui (minit ke 70:2) yang memperlihatkan bahawa, Mat Kilau, Awang dan Brahim sanggup berkorban demi menyelamatkan sahabat mereka. Contohnya, kesemuanya sedang merancang strategi untuk menyelamatkan Wahid daripada tahanan penjajah British. Semangat yang berkobar dalam diri ketiga-tiga watak ini membuktikan bahawa watak tersebut memiliki sikap semangat setia kawan. Walaupun masih tidak membuat persediaan dan kekurangan tenaga namun perkara tersebut sama sekali tidak menjejaskan semangat mereka untuk menyelamatkan sahabatnya. Bukan itu sahaja, terdapat juga watak yang sanggup berkorban dan menjadikan nyawanya sebagai galang ganti demi menyelamatkan Wahid daripada penjajah British. Mereka yakin bahawa, sahabat mereka, sudah pasti sedang di seksa oleh askar British. Oleh itu jelaslah bahawa, ketiga-tiga watak ini menunjukkan sikap beradab terhadap kawan melalui semangat setia kawan.

4.2.3 Bijak merancang strategi

Kepimpinan strategik merupakan kepimpinan yang menyediakan satu pelan umum untuk mencapai sesuatu matlamat, khususnya untuk jangka panjang, atau seni dalam merancang untuk mencari jalan terbaik bagi memperoleh kelebihan atau mencapai kejayaan, khususnya dalam peperangan (Collins, 1995). Kejayaan dalam sesuatu misi yang telah ditetapkan, bergantung kepada keberkesanan strategik yang telah dilakar oleh pemimpin yang berkarisma (Hassan & Ainon, 2007). Dalam Islam terdapat banyak kisah dan peristiwa yang boleh dijadikan sebagai panduan dan teladan dalam menentang pihak musuh. Contohnya peristiwa Rasulullah yang bijak dalam merancang strategi dalam perang Badar. Peristiwa tersebut memaparkan tentang kelebihan umat Islam yang dibantu oleh Allah Swt kerana berjihad demi memperjuangkan agama Islam (Abdul Hadi Awang, 2022). Walaupun tentera Islam memiliki jumlah seramai 313 orang berbanding kaum Quraisy iaitu seramai 1000 orang, namun perkara ini tidak menjejaskan semangat perjuangan umat Islam (Abdul Hadi Awang, 2022). Kebijaksanaan Rasulullah s.a.w dalam merancang strategi serta yakin terhadap pertolongan Allah menyebabkan umat Islam menang dalam peperangan ini.

Keadaan tersebut bertepatan dengan situasi yang berlaku dalam FMKKP yang menunjukkan bahwa pemimpin Melayu bijak dalam merancang strategi. Dalam FMKKP terdapat watak yang bijak dalam merancang strategi. Watak tersebut ialah Mat Kilau. Usaha menentang penjajah British telah dirancang sebaik mungkin agar dapat mengalahkan pihak musuh. Walaupun keadaan pada ketika itu menunjukkan bahawa Mat Kilau kekurangan pengikut, namun perkara tersebut sama sekali tidak menjejaskan semangat pengikut yang lain. Watak protagonis ini juga, menunjukkan kebijaksanaannya melalui perancangan agar bersembunyi dahulu di dalam gua, agar penjajah British tidak dapat menangkap mereka. Ketika berada di dalam gua, Mat Kilau juga telah memberi peringatan agar tidak ada yang dibenarkan keluar dari gua tersebut dalam masa yang terdekat. Justeru itu, watak tersebut juga telah memberikan kata-kata semangat kepada sahabat dan pengikutnya untuk menentang penjajah British. Continya, melalui (minit ke 80:30) yang menunjukkan tentang kebijaksanaan Mat Kilau dalam merancang strategi. Tindakan yang di ambil untuk bersembunyi di dalam gua tersebut merupakan tindakan yang bijak kerana pihak British tidak mahir dan tahu tentang selok belok dalam hutan di Tanah Melayu. Hal ini akan memberikan kelebihan kepada orang Melayu dalam membuat persediaan dan merancang strategi dengan lebih baik. Banyak manfaat apabila bersembunyi di dalam gua tersebut kerana melalui tindakan tersebut segala persediaan perang dapat disediakan dan dikumpul seperti kayu untuk membuat perangkap, laluan untuk menyerang British dalam lain-lain. Mat Kilau juga dilihat telah tidak membenarkan sesiapa pun untuk keluar dari gua tersebut sebagai langkah berjaga-jaga daripada serangan British.

Justeru itu, watak protagonis ini juga turut memberikan kata-kata semangat kepada pengikutnya supaya sentiasa berkobar-kobar dalam mempertahankan agama, bangsa dan negara. Semua tindakan yang dilakukan oleh Mat Kilau, adalah sesuatu perkara yang biasa digunakan oleh pejuang dan pahlawan Melayu dalam menentang pihak British. Kebanyakan pahlawan Melayu akan menjadikan hutan dan gua sebagai markas atau kubu untuk membuat persediaan menyerang penjajah British. Keadaan ini jelas menunjukkan Mat Kilau sebagai seorang pemimpin yang berakhlak kerana mempunyai adab sebagai seorang ketua. Oleh itu, jelaslah bahawa watak Mat Kilau merupakan seorang pemimpin yang bijak merancang strategi.

4.3 Adab Dengan Keluarga

Setiap pasangan suami isteri perlulah memainkan peranan yang penting dalam mendidik anak-anak menjadi insan yang berguna. Dalam membentuk kepribadian anak-anak, ketua keluarga perlulah mempunyai ilmu yang banyak dalam membentuk keluarga yang harmoni. Bukan itu sahaja, anak-anak juga perlulah berbakti kepada ibu bapa agar hidup sentiasa diredhai oleh Allah SWT. Subtopik ini menerangkan tentang adab dengan keluarga yang terdapat dalam FMKKP melalui Pendekatan Dakwah menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu. Terdapat tiga perkara yang diketengahkan dalam subtopik ini. Antaranya adalah memberi nasihat kepada anak, berbakti kepada ibu bapa dan menjalankan tanggungjawab sebagai seorang isteri.

4.3.1 Pendidikan kepada anak

Islam telah menggariskan beberapa adab yang perlu dilakukan oleh ibu bapa dengan anak. Antaranya ialah memberikan pendidikan kepada anak. Ibu bapa yang baik adalah ibu bapa yang tidak memandang rendah tentang emosi dan keperluan anak. Justeru itu, menjadi tanggungjawab ibu bapa agar menyampaikan pendidikan yang baik kepada anak-anak. Salah satu cara beradab dengan anak adalah dengan menyampaikan pendidikan dengan berhikmah. Hal ini adalah supaya anak tersebut dapat menerima pendidikan yang diberikan dengan berlapang dada dan tidak memberontak. Dalam filem ini, aspek tersebut dapat dilihat melalui watak Mat Kilau yang sangat berhikmah dalam menyampaikan pendidikan kepada anaknya. Hal ini dapat dilihat melalui (minit ke 16:10) yang menunjukkan tindakan Mat Kilau jelas telah menyampaikan pendidikan kepada anaknya dengan hikmah dan bijaksana. Contohnya Mat Kilau menceritakan kisah teladan tentang pahlawan Islam pada zaman dahulu untuk menaikkan semangat berjihad dalam diri anaknya iaitu Omar. Setelah mendengar cerita tersebut, anaknya mula berkobar-kobar untuk mempelajari ilmu silat agar dapat menjadi seorang pahlawan yang hebat. Bukan itu sahaja, keperibadian Mat Kilau yang pandai dalam menyampaikan pendidikan juga dapat dilihat apabila watak tersebut, menyampaikan pesanan bahawa ilmu silat yang di pelajari bukan sesuatu yang perlu di megahkan. Hal ini kerana terdapat beberapa manusia yang mula bangga terhadap kehebatan yang dimiliki setelah mempelajari ilmu silat. Situasi ini perlulah dibendung sejak dari awal lagi.

Justeru itu, Mat Kilau telah juga telah mengingatkan anaknya agar tidak sombong dan bongkak apabila sudah mempunyai kemahiran dalam bersilat. Hal ini kerana ilmu tersebut seharusnya digunakan kearah kebaikan bukan sebaliknya. Tindakan Mat Kilau memberikan pendidikan adalah langkah awal agar anak memiliki akhlak yang baik dan menggunakan ilmu yang di pelajari sebaik mungkin. Situasi ini menunjukkan bahawa watak utama ini memiliki akhlak yang tinggi kerana telah melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang ketua keluarga dengan baik. Oleh itu, jelaslah watak Mat Kilau telah menyampaikan pendidikan kepada anaknya dengan beradab dan berhikmah.

4.3.2 Berbakti kepada ibu bapa

Semua umat Islam dituntut agar sentiasa berbakti kepada ibu bapa. Hal ini

bertepatan dengan niat untuk membalas budi dan jasa ibu bapa yang telah membesarkan anak-anak sehingga menjadi orang yang berjaya. Banyak pengorbanan yang telah dilakukan oleh ibu bapa bermula sejak mengandung melahirkan, menyusui, sehinggalah membesarkan anak-anak. Allah SWT telah menjanjikan kehidupan yang diberkati dan diredhai kepada orang yang menjaga orang tuanya. Hal ini menunjukkan bahawa besar pahalanya sekiranya seseorang itu berbakti kepada kedua ibu bapa.

Melalui FMKKP, terdapat seorang watak sahaja yang memaparkan sikap berbakti kepada ibu bapa melalui lisan dan perbuatannya. Watak tersebut ialah Usop. Watak Usop merupakan watak sampingan yang sentiasa menjaga dan mengutamakan kebajikan ayahnya yang sudah tua. Walaupun mempunyai kekuatan dalam bertempur, namun Usop tidak pernah sesekali meninggalkan tanggungjawabnya sebagai seorang anak. Contohnya Mat Kilau dan rakan-rakan cuba untuk mengajak dan memujuk Usop agar bersama-sama perjuangan menentang penjajah British. Namun, Usop tidak dapat bersama mereka kerana dirinya lebih mengutamakan tugas menjaga dan berbakti kepada ayahnya. Bagi watak tersebut, ibu bapa adalah ini dapat dibuktikan melalui (minit ke 13:20) yang memaparkan sikap Usop yang mengutamakan orang tua berbanding perkara yang lain. Hal ini kerana Usop lebih memilih untuk berbakti kepada ayahnya yang sudah tua berbanding bersama Mat Kilau menentang penjajah British. Tindakan ini menunjukkan bahawa watak tersebut mempunyai akhlak yang mulia dan terpuji kerana sanggup berkorban untuk menjaga kebajikan ibu bapa. Bukan itu sahaja, tindakan ini juga membuktikan bahawa watak Usop sangat yakin terhadap Allah SWT akan membalas jasa orang yang berbakti kepada ibu bapa sama ada di dunia mahupun di akhirat kelak. Oleh hal yang demikian jelaslah, bahawa watak Usop telah beradab dengan keluarga melalui tindakan berbakti kepada ibu bapa.

4.3.3 *Menjalankan tanggungjawab sebagai seorang isteri*

Pendekatan dakwah tentang aspek akhlak Islam yang selanjutnya mengenai adab dengan keluarga iaitu tanggungjawab sebagai isteri. Bahagian ini memaparkan tentang akhlak yang menunjukkan adab yang baik dan buruk sebagai seorang isteri. Terdapat dua watak yang memaparkan tentang seorang isteri iaitu Yang Chik dan Rokiah. Aspek yang dibincangkan ialah mengenai isteri yang patuh pada suami dan isteri yang nusyuz terhadap suami. Dalam Islam telah menggariskan bahawa isteri bertanggungjawab dalam mentaati segala perintah suami asalkan tidak melanggar hukum syarak Islam dan memudaratkan diri sendiri. (Mahani Ishak, 2019). selepas berkahwin, seseorang wanita itu seharusnya sentiasa menyokong dan mendengar segala suruhan suami. Hal ini bertujuan untuk mencapai perkahwinan yang *sakinah mawadah warahmah*. Dalam membentuk keluarga yang bahagia dan harmoni, setiap pasangan perlulah memainkan peranan yang penting terutamanya bagi pihak isteri. Hal ini kerana isteri merupakan tulang belakang bagi setiap kekuatan suami. Rentetan daripada itu, seorang isteri perlulah sentiasa menyokong dan memberikan semangat kepada suami walau apa jua yang berlaku. Hal ini kerana, jika seorang isteri tidak dapat membantu suaminya, maka sebuah perkahwinan itu tidak akan harmoni.

4.3.4 *Patuh pada suami*

Sebagai seorang isteri yang solehah, seharusnya seseorang itu harus patuh pada

arahan suami. Bukan itu sahaja, lumrah seorang isteri itu mestilah sentiasa menyokong segala yang dilakukan suami, terutamanya apabila berjuang untuk mempertahankan agama, bangsa dan negara. Dalam Islam juga telah menggariskan beberapa panduan kepada para isteri supaya memperolehi ganjaran pahala yang besar kerana patuh pada suami. Justeru itu, menurut akhbar (Harian Metro, 2022) menyatakan bahawa terdapat sabda Rasulullah saw yang mengatakan bahawa apabila seorang isteri itu taat pada suaminya, maka isteri tersebut di beri pilihan untuk masuk ke dalam mana-mana syurga yang dikehendakinya. Keadaan ini menunjukkan bahawa seorang isteri itu wajib mentaati suaminya untuk mencapai keluarga yang *sakinah mawadah warahmah*.

Melalui FMKKP, terdapat watak yang mempunyai dengan suaminya dengan cara patuh pada suami. Watak tersebut ialah Yang Chik. Yang Chik merupakan watak sampingan dan isteri kepada Mat Kilau yang sentiasa menyokong segala tindakan yang dilakukan oleh suaminya. Watak sampingan ini juga sentiasa menjadi penguat semangat apabila suaminya berada dalam kesusahan dan kesedihan. Contohnya, Yang Chik terpaksa berpisah dengan suaminya ketika di dalam hutan. Hal ini adalah langkah berjaga-jaga agar isteri dan anak Mat Kilau sentiasa berada dalam keadaan yang selamat. Watak sampingan ini sentiasa membantu isterinya dalam memperjuangkan tanah air daripada penjajah British. Hal ini dapat dibuktikan melalui (minit ke 91:42)

Berdasarkan petikan di atas, menunjukkan bahawa Yang Chik merupakan seorang isteri yang patuh pada suaminya. Hal ini dapat dilihat melalui situasi apabila Mat Kilau menyuruh isterinya agar menjaga anak dan ayahnya. Bukan itu sahaja, Mat Kilau juga telah berpesan agar Yang Chik terus bersembunyi walau apa pun yang akan terjadi. Pesanan tersebut diakui dan di patuhi oleh Yang Chik. Watak sampingan ini juga terus memberikan sokongan dan kata-kata semangat buat suaminya dalam mempertahankan tanah air daripada dijajah. Rentetan itu, Yang Chik juga dilihat sentiasa membantu suaminya untuk mendapatkan lebih ramai pengikut dengan cara memujuk orang kampung agar bersama-sama suaminya. Keadaan ini sedikit sebanyak akan membantu Mat Kilau memperbanyakkan pengikutnya. Walau bagaimanapun, Mat Kilau dilihat telah berputus asa dan kecewa dengan tindakan orang kampung yang tidak mahu berjihad menentang British. Situasi ini menyebabkan Yang Chik cuba memujuk suaminya dengan sentiasa membantu suaminya sepenuh hati.

Situasi ini bersamaan dengan peristiwa kisah Siti Khadijah yang sentiasa membantu Rasulullah saw dalam perjuangan menegakkan agama Islam. Siti Khadijah sebagai isteri yang solehah dan yakin pada suaminya, serta banyak membantu dari segi harta dan jiwanya dalam dakwah Nabi saw (Faridah Kamaruddin, 2022). sehubungan itu, dapat dilihat melalui situasi Yang Chik yang sentiasa menyokong suaminya dalam berjihad menentang pihak musuh. Keadaan ini menunjukkan bahawa Yang Chik sebagai seorang yang berakhlak suaminya. Oleh itu, jelaslah bahawa Yang Chik merupakan seorang yang beradab kerana telah menjadi isteri yang patuh dan taat pada suaminya.

a) Isteri yang Nusyuz Terhadap Suami

Melalui FMKKP, terdapat watak yang nusyuz kepada suaminya. Watak tersebut ialah Rokiah. Rokiah merupakan isteri kepada Wahid yang sedang sarat mengandung. Ketika Wahid sedang berjuang bersama-sama Mat Kilau menentang British, watak Rokiah di lihat sama sekali tidak bersetuju dengan tindakan

suaminya. Hal ini berlaku kerana, watak tersebut bimbang sekiranya berlaku perkara yang buruk ke atas suaminya. Ini kerana, watak tersebut amat memerlukan suaminya dalam keadaan dirinya yang sedang sarat mengandung. Rentetan daripada itu, Rokiah sentiasa membantah dan tidak bersetuju terhadap tindakan suaminya yang mengikuti Mat Kilau untuk berjuang mempertahankan tanah air. Walaupun niat suaminya itu sangat baik, namun watak tersebut masih bimbang terhadap keselamatan keluarga kecilnya itu. Disebabkan itulah Rokiah telah meninggikan suaranya dan membantah keputusan suaminya. Tindakan tersebut jelas menunjukkan Rokiah sebagai seorang isteri yang nusyuz terhadap suaminya. Bukan itu sahaja watak sampingan ini juga telah ingkar dan derhaka pada arahan suaminya. Hal ini dapat dibuktikan melalui (minit ke 52:28) yang menampilkan watak Rokiah sebagai seorang isteri yang nusyuz. Oleh kerana watak tersebut terlalu memikirkan tentang keselamatan keluarganya keadaan tersebut telah menyebabkan watak ini berani menderhaka kepada suaminya. Tindakan Rokiah yang telah menaikkan suara dan meminta cerai kepada suaminya telah menaikkan kemarahan Wahid. Keadaan ini menyebabkan Wahid telah mengeluarkan kata-kata yang telah menguris perasaan Rokiah. Walau bagaimanapun tindakan yang dilakukan oleh Rokiah menunjukkan bahawa watak tersebut tidak patuh arahan suaminya dan tekah menjadi seorang isteri yang nusyuz. Ini kerana sebagai seorang isteri yang baik, seharusnya mendengar dan patuh pada suami asalkan tidak melakukan sesuatu perkara yang melanggar hukum Islam. Islam juga melarang para isteri yang tidak mendengar kata suaminya terutama apabila nusyuz terhadap suaminya. Tindakan tersebut sangat murka oleh Allah swt, selagi mana sang suami tidak memaafkan isteri yang nusyuz tersebut. Keadaan ini menunjukkan bahawa Rokiah tidak berakhlak sebagai seorang isteri kepada suami. Oleh itu, jelaslah bahawa watak Rokiah sebagai seorang isteri yang nusyuz dan tidak beradab kepada suaminya.

4.4 Adab Dengan Diri Sendiri

Setiap manusia mahukan kehidupan yang bahagia di dunia dan di akhirat kelak. Rentetan daripada itu, semua manusia yang bergelar Muslim perlu sentiasa memperbaiki diri agar dapat memperoleh kebahagiaan yang dicari tersebut. Tambahan pula, setiap Muslim perlu sentiasa menjaga adab terhadap diri sendiri agar terpelihara jiwanya. Adab terhadap diri sendiri bermaksud bagaimana seseorang itu berakhlak dengan diri sendiri serta keperibadiannya baik dari segi jasmani mahupun rohani. Dalam FMKKP memaparkan mengenai watak-watak yang menjaga adab dengan diri sendiri. Beradab dengan diri sendiri termasuklah dengan cara menuntut ilmu serta mengamalkannya dan menjaga maruah diri.

4.4.1 Menuntut ilmu serta mengamalkannya

Ilmu merupakan satu perkara yang sangat penting dalam kehidupan manusia khususnya umat Islam. Hal ini bertujuan untuk mencapai kebaikan dan kesejahteraan hidup di dunia mahupun di akhirat kelak. Ilmu pengetahuan sering di kaitkan sebagai jambatan kejayaan, pemangkin kemenangan, penyuluh hidup dan sebagainya. Maka, perkara tersebut menjadi satu tuntutan dan saranan yang penting bagi setiap individu. Hal ini adalah kerana ilmu pengetahuan bukan sahaja

menjamin nilai tambah dalam diri seseorang, bahkan ia mampu membentuk pemikiran yang sihat bagi setiap umat Islam dalam membina masa depan dengan cemerlang. Dengan ilmu yang baik, ia akan membentuk jati diri bagi seseorang Muslim. Subtopik ini menerangkan tentang watak-watak yang menjaga adab dengan diri sendiri. Daripada 30 watak Muslim dalam FMKKP ini, hanya dua watak sahaja yang menjaga adab dengan diri sendiri. Watak-watak tersebut adalah Mat Kilau dan Rokiah. Kedua-dua watak ini, menjaga adab dengan cara menuntut ilmu serta mengamalkannya dan menjaga maruah diri.

a) Watak Protagonis

Watak yang beradab dengan diri sendiri ialah Mat Kilau. Watak ini jelas memaparkan ilmu yang dipelajari telah digunakan kearah yang benar sebaik mungkin. Mat Kilau merupakan sosok pahlawan yang mempelajari dan memiliki kelebihan ilmu yang banyak. Ilmu tersebut telah dipelajari daripada orang yang bijak dan mahir dalam bidang tersebut. Antara ilmu yang dipelajari oleh beliau ialah ilmu tasawuf, hakikat dan silat. Kesemua ilmu ini telah digunakan untuk mempertahankan agama dan Tanah Melayu. Kehebatan ilmu yang dipelajari oleh watak tersebut, telah dipercayai oleh Mufti Botok dan Tok Gajah ketika ingin melantik ketua yang akan memimpin untuk menentang penjajah British. Ketika semua pembesar Pahang sedang berbincang dengan raja untuk menyelesaikan masalah penjajah, Mufti Botok telah mencadangkan Mat Kilau atas kelebihan ilmu yang dimiliki olehnya. Hal ini dapat dibuktikan melalui (minit ke 23:03) yang menunjukkan Mat Kilau sebagai seorang yang berilmu dan beramal dengan ilmu yang dimilikinya. Segala ilmu yang dipelajari telah digunakan demi menegakkan agama dan tanah air daripada dijajah oleh British. Keperibadian Mat Kilau yang banyak menuntut ilmu ini menjadikan dirinya sebagai seorang yang dipercayai dan dihormati oleh orang di sekelilingnya. Meskipun watak tersebut masih muda, namun perkara tersebut tidak menjadi penghalang kepadanya untuk menuntut ilmu dan mengamalkan ilmu tersebut. Keadaan ini menunjukkan bahawa Mat Kilau sebagai seorang yang berakhlak pada dirinya sendiri. Oleh itu jelaslah dapat dilihat watak Mat Kilau beradab dengan diri sendiri melalui tindakan menuntut ilmu dan mengamalkannya.

4.4.2 Menjaga maruah diri

Setiap individu wajib untuk berakhlak dengan diri sendiri melalui cara menjaga maruah atau harga diri. Harga diri bermaksud kepercayaan dan keyakinan diri seseorang agar mampu memuliakan dan menjaga maruah diri dalam kehidupan. Hanya melalui pegangan agama Islam yang kukuh sahaja maruah diri mampu dipertahankan. Melalui FMKKP, dapat dilihat bahawa semua watak wanita dalam filem ini menutup aurat. Contohnya seperti Salmah, Rokiah, Yang Chik dan lain-lain. Namun bahagian ini hanya membincangkan mengenai watak Rokiah sahaja. Watak Rokiah dilihat merupakan seorang yang sangat menjaga harga dirinya. Walaupun nyawanya sudah di hujung hayat namun dirinya sentiasa menutup aurat agar tidak dilihat oleh penjajah British. Situasi ini berlaku apabila pihak British ingin membalas dendam kepada orang Melayu atas tindakan merompak senjata

mereka. Tindakan tersebut telah mengakibatkan Rokiah iaitu isteri Wahid dibunuh. Ketika pihak British menyerang rumah Wahid, watak Rokiah sentiasa menjaga maruahnya dengan menutup aurat.



Gambar 1: Rokiah diserang oleh penjajah British
Sumber: FMKKP (2022)

Gambar tersebut menjelaskan menunjukkan bahawa walaupun berada di rumah, namun Rokiah sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga dalam menutup aurat. Hal ini kerana banyak kemungkinan sesuatu perkara buruk akan terjadi, kerana suaminya Wahid adalah antara orang yang menentang British. Situasi tersebut juga, memaparkan bagaimana Rokiah yang sedang sarat mengandung sentiasa menutup aurat dan mempertahankan harga dirinya dari di lihat oleh lelaki ajnabi. Watak Rokiah telah meletakkan maruah dirinya pada tahap yang sangat tinggi dan tidak boleh dibeli dengan wang ringgit. Kebahagiaan seseorang wanita itu bukanlah bergantung pada banyaknya nilai wang ringgit yang ada, namun kebahagiaannya terletak pada iman dan takwa di dalam dada. Kehormatan wanita dalam Islam sangat tinggi kedudukannya. Sebelum kedatangan Islam, wanita menjadi warga kelas kedua di setiap tamadun dunia dan dianggap sebagai objek pemuas nafsu semata-mata. Dengan kedatangan Islam, ia dapat meninggikan maruah dan martabat seorang wanita di seluruh dunia.

Wanita merupakan sebaik-baik perhiasan di dunia. Ia merupakan satu kedudukan istimewa yang diberikan oleh Islam terhadap wanita. Betapa Allah mengangkat darjat kaum wanita ini, Allah telah berikan hak-hak khusus yang tertentu kepada para wanita di semua fasa kehidupannya. Bahkan dalam al-Quran sendiri terdapat surah yang bernama Al-Nisaa' yang bermaksud wanita. Justeru, FMKKP turut sama mengangkat dan memuliakan wanita melalui watak Rokiah yang ditunjukkan secara jelas melalui perbuatannya.

Walau bagaimana pun, terdapat juga watak yang tidak menjaga maruah dirinya. Watak tersebut adalah Pak Deris. Watak Pak deris merupakan pembantu kepada Hj. Sulong Semantan yang merupakan pembesar di negeri Pahang. Seharusnya watak tersebut perlulah sentiasa menyokong orang Melayu untuk mempertahankan tanah air daripada dijajah oleh British. Namun apabila melibatkan ahli keluarga, seseorang itu sanggup melakukan apa sahaja demi menyelamatkan keluarga tercinta terutama anaknya. Situasi ini berlaku pada watak Pak Deris yang sanggup membelot demi kepentingan diri sendiri. Tindakan tersebut telah menjatuhkan maruah harga dirinya sendiri kerana

sanggup membelot bangsa sendiri.

Keadaan ini berlaku apabila Mamat yang merupakan anak kepada Pak Deris telah ditangkap askar British. Pihak British telah mengumpan Pak Deris agar memberitahu perancangan orang Melayu untuk menentang British jika mahukan anaknya dibebaskan. Akibat daripada tidak dapat berfikir secara rasional, Pak Deris telah menjadi tali barut kepada pihak British. Tindakan tersebut dapat diketahui oleh Mat Kilau dan Wahid. Contohnya, melalui (minit ke 90:00) yang memaparkan sikap Pak Deris yang telah menjatuhkan maruah dirinya sendiri atas tindakan yang telah dilakukan olehnya. Hal ini berlaku kerana demi menyelamatkan ahli keluarga, watak tersebut sanggup membelot terhadap bangsa sendiri. Seharusnya sebagai seorang yang terdiri daripada kalangan pembesar, seseorang itu mestilah sanggup berkorban demi mempertahankan tanah air. Keperibadian tersebut jelas menunjukkan seseorang itu memiliki akhlak yang mulia. Namun jika sebaliknya yang berlaku, jelas menunjukkan bahawa tindakan tersebut mencerminkan keperibadian yang buruk. Situasi ini mampu menjatuhkan maruah diri sehingga dipandang rendah oleh masyarakat di sekeliling. Tindakan yang dilakukan oleh Pak Deris telah memberi peluang kepada penjajah British untuk menjatuhkan orang Melayu. Keadaan ini seharusnya tidak berlaku jika seseorang itu memiliki akhlak yang baik dan beradab dengan diri sendiri. Menjaga maruah diri dari sesuatu perkara yang boleh mendatangkan kemudaratan merupakan antara cara beradab dengan diri sendiri. Oleh itu jelaslah, watak pak deris telah menjatuhkan maruah dirinya sendiri demi kepentingan tertentu.

5. Kesimpulan

Melalui perbincangan bab ini dapat dirumuskan bahawa FMKKP merupakan sebuah filem yang sarat dengan unsur-unsur keislaman melalui aspek akhlak. Pengarang iaitu Syamsul Yusof telah menghasilkan filem yang bertemakan keagamaan. Dalam perbincangan ini terdapat beberapa watak dan perwatakan yang menunjukkan mempunyai akhlak yang baik mahupun sebaliknya. Hal ini kerana dalam FMKKP watak-watak yang ditonjolkan merupakan masyarakat yang berlatar belakangkan agama Islam. Aspek akidah yang terdapat dalam FMKKP adalah mengenai adab dengan diri pemimpin, adab kawan, adab dengan keluarga, dan adab dengan diri sendiri. Dalam konteks ini adab dengan pemimpin memaparkan tentang akhlak yang menunjukkan adab yang buruk terhadap pemimpin. Adab tersebut ialah ingkar arahan ketua. Adab dengan kawan pula terbahagi kepada tiga bahagian iaitu bersangka baik, semangat setia kawan dan bijak merancang strategi. Selain itu, adab dengan keluarga dibahagikan kepada ibu bapa, anak isteri. Seterusnya, adab dengan diri sendiri pula, terdiri daripada dua bahagian iaitu menuntut ilmu dan mengamalkannya serta menjaga maruah diri. Kesemua aspek ini dapat dilihat melalui watak protagonis dan watak sampingan yang terdapat dalam FMKKP. Aspek akhlak yang dipaparkan dalam filem ini selari dengan Pendekatan Dakwah yang digunakan melalui Teori Pengkaedahan Melayu. Melalui pendekatan ini para penonton dapat mengambil nilai positif dan menjadikan pengajaran dalam menjalani kehidupan. Oleh sebab itu, FMKKP amat sesuai untuk dianalisis dengan menggunakan aspek keagamaan dan dakwah dalam Islam kerana ianya sarat dengan unsur-unsur keislaman.

Rujukan

- Abdul Hadi Awang, (2022). *Peristiwa Badar dalam Bulan Ramadan*. Harakahdaily.net
<https://harakahdaily.net/index.php/2022/04/16/peristiwa-badar-dalam-bulan-ramadan/> [4 November 2023].
- Abdullah Hassan dan Ainon Mohd (2007). *Teori dan Teknik Kepimpinan: Panduan Aplikasi di Tempat Kerja*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Aisyah Harun. (2021). *Bayan Linnas Siri Ke-234: Ketaatan Kepada Raja*.
<https://muftiwp.gov.my/en/artikel/bayan-linnas/4824-bayan-linnas-siri-ke-234-ketaatan-kepada-raja> [2 November 2023].
- Asiah Sarji, Faridah Ibrahim & Mazni Buyung. (1996). *Pola Pengamalan Profesionalisme dalam Industri Filem Malaysia*. Kuala Lumpur: FINAS.
- Collins (1995). *“Co build English Dictionary” (new edition)*. London: Harper Collins.
- h. (1948). Fareez Azman. 2022. Filem Mat Kilau Ke Indonesia Selepas Kutip Hampir Rm100 Juta. Astroawani.com. 11 Ogos.
<https://www.astroawani.com/berita-hiburan/filem-mat-kilau-ke-indonesia-selepas-kutip-hampir-rm100-juta-375564> [22 Ogos 2023].
- Faridah Kamaruddin. (2020). *Khadijah R.A Inspirasi Muslimah Akhir Zaman*. Harakahdaily.net
<https://harakahdaily.net/index.php/2020/11/03/khadijah-r-a-inspirasi-muslimah-akhir-zaman/> [4 November 2023].
- Fatimah Muhd Shukri dan Nur Afifah Binti Vanitha. 2018. Sepet (2005): Sebuah Filem Nasional Malaysia. *Malaysian Journal of Communication*. Jilid 34(2):309-322.
- Fatimah Muhd Shukri, Nur Asfarina Ab Aziz, Mohd Saipuddin Sulaiman. (2022). Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan (2022) Sebuah Filem Cerminan Ummah. *Proceedings of International Conference on Ummah 2022*, hlm.769-779.
- Fatin Farhana Ariffin. 2022. *FFM32: Spilt Gravy/Ke Mana Tumpahnya Kuah Raih Tujuh Trofi Termasuk Filem Terbaik*. Bharian.com.my. (3 Disember 2022).
<https://www.bharian.com.my/hiburan/selebri/2022/12/1034558/ffm32-split-gravyke-mana-tumpahnya-kuah-raih-tujuh-trofi-termasuk> [5 Februari 2024].
- Harian Metro. *Cari Keredaan Allah dalam Perkahwinan*. Hmetro.com.my
<https://www.hmetro.com.my/addin/2022/01/800424/cari-keredaan-allah-dalam-perkahwinan> [8 November 2023].
- Mahani Ishak. (2019). Taat Pada Suami Selagi Tidak Melanggar Syarak, Bahayakan Nyawa. Bharian.com.my
<https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2019/10/618110/taat-suami-selagi-tidak-melanggar-syarak-bahayakan-nyawa> [5 November 2023].
- Muhammad Na'eem Yasin, (1990). *Jihad*. Diterjemahkan oleh Ismail Mohd. Hassan. Kuala Terengganu: Yayasan Islam Terengganu.
- Nasha Azreena Binti Mohd Jaihan, Nur Ainnul Humairah Binti Mohd Yusoff, Dayang Nuraziemah Binti Nooradik, Nurul Farisha Binti Sudin dan Siti Zaahirah Binti Mohd Jafri. (2022). Unsur Kerohanian dalam Filem Munafik Karya Syamsul Yusof: Analisis Pendekatan Dakwah. E-

- Proceeding Webinar Pelestarian Warisan Budaya di Persada Dnia. hlm 78-88.
- Siti Nur Izra Safra' Abdul Halim dan Nur Afifah Vanitha Abdullah. (2023). Fakta sejarah dan proses kreatif filem Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan (2022). *Jurnal Komunikasi ; Malaysian Journal of Communication*. 39 (3). pp. 221-238. ISSN 0128-1496.
- Syamsul Yusof. (2022). *Mat Kilau: Kebangkitan Pahlwan*. Filem. Bangi: Studio Kembara.
- Syed Zulkifli Syed Zakaria. (2010). *Buat Filem juga Dakwah*. Syed Zakaria. (22 Jun 2010) <https://e-imtiyaz.usim.edu.my/items/a9de33e3-cdf5-4575-bb02-09b6d5981868> [9 November 2023].